



2. Perkembangan teknologi yang semakin pesat telah memberi impak kepada persekitaran aktiviti perniagaan yang baru. *Artificial Intelligence* (A.I) telah mengubah landskap aktiviti perniagaan antaranya adalah aktiviti sukan simulator. Sebagai contoh pihak Majlis telah menerima permohonan bagi aktiviti golf simulator yang dijalankan di kawasan pusat komersial. Pihak Majlis telah membuat semakan jurnal seperti '*Economic effect of the golf simulation industry in Korea: an analysis based on the SVAR model* (Julai 2022)' yang ditulis oleh Yuanyuan Hao dan Mengyuan Kong. Jurnal tersebut menyatakan bahawa aktiviti baru ini akan membawa kepada perkembangan jangka masa panjang dan akan menembusi pasaran baru di mana akan menjadi tarikan baru kepada orang ramai.
3. *Pet hotel* dan *pet grooming* adalah di antara beberapa aktiviti perniagaan baru yang mendapat perhatian dan permintaan orang ramai. Merujuk kepada Sabah News Today bertarikh 18 November 2023, Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Seri Panglima Dr Jeffrey G. Kitingan, 'peningkatan dalam permintaan untuk pelbagai produk perkhidmatan berkaitan haiwan kesayangan semakin mendapat perhatian. Di dalam data MBPJ terdapat sebanyak 60 premis yang menjalankan perniagaan kedai haiwan peliharaan. Aktiviti *pet grooming* dan *pet hotel* adalah sebahagian daripada perkhidmatan yang diberikan perhatian di dalam mewujudkan garis panduan aktiviti perniagaan. Pihak Majlis mengambil inisiatif mewujudkan garis panduan dan pandangan Jabatan Veterinar di dalam memastikan aktiviti perniagaan ini terkawal. Tambahan lagi, merujuk kepada Illinois Professional Pet Groomers Associations telah menetapkan 3 keperluan sebelum menjalankan operasi *pet grooming*, iaitu *safe business operations, emergency plans* dan *animal care*. Pihak Majlis juga telah mengambil kira 3 keperluan tersebut semasa penyediaan garis panduan ini.
4. Pada masa kini aktiviti pajak gadai pandu lalu (*drive thru*) adalah aktiviti yang semakin mendapat perhatian. Garis panduan yang dibincangkan perlu ditetapkan terutamanya daripada segi keselamatan. Merujuk kepada jurnal ISET Policy Institute dengan tajuk *Pawnshop Mentality* yang ditulis oleh Maya Grigolia dan Florian Bierman pada Jun 2014 menyatakan bahawa pemajak adalah individu yang berada di dalam keadaan tertekan untuk mendapatkan wang tanpa memikirkan proses pembayaran semula. Oleh itu, emosi pelanggan (pemajak) perlu diambil kira di dalam syarat-syarat lesen sebelum aktiviti perniagaan ini dibenarkan di kawasan Petaling Jaya.
5. Perkembangan ekonomi pasca Covid-19 telah memberi kesan yang panjang kepada golongan B40, dan antara kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020 telah membawa kepada faktor kelangsungan dan budaya tahan ekonomi telah membawa kepada aktiviti perniagaan di depan rumah. Selaras juga dengan pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada September 2020 telah membenarkan perniagaan dijalankan di hadapan rumah. Aktiviti perniagaan di depan rumah ini khas bagi kawasan Taman Medan, Petaling Jaya.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah membuat bancian di lapangan dan telah mengumpulkan maklumat peniaga. Hasil bancian tersebut mendapati bahawa terdapat sebanyak 80 peniaga yang menjalankan perniagaan di sekitar Taman Medan. Semasa pengumpulan maklumat tersebut, pihak Majlis mendapati bahawa kebanyak peniaga menjalankan perniagaan tertinggi adalah pada hari Ahad dengan bilangan sebanyak 78 peniaga. Tambahan lagi, berdasarkan analisa data juga mendapati bahawa kebanyak peniaga yang telah dibenci adalah penduduk tetap di Petaling Jaya dengan bilangan sebanyak 73 orang.

6. Kawasan Kampung Cempaka dan kawasan Old Town merupakan satu kawasan perumahan lama yang telah diubah menjadi kawasan komersial (beberapa kawasan sahaja) semasa Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 4) pada Februari 2023. Perubahan ini berlaku kerana terdapat aktiviti perniagaan yang dijalankan di dalam kawasan perumahan. Pihak Majlis telah menjalankan bancian dan mendapati terdapat sebanyak 42 perniagaan di kawasan Kampung Cempaka dan sebanyak 12 perniagaan di kawasan Old Town. Sehubungan dengan itu, perbincangan bersama Ahli Majlis, Jabatan Teknikal dan juga wakil peniaga serta wakil penduduk akan membincangkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi semasa penyediaan garis panduan tersebut.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



dengan menyediakan Platform Pekerjaan Warga Emas Selangor, Program Penuaan Aktif Selangor, membina fasiliti persaraan dan menyediakan latihan penjaga untuk warga emas

Selaras dengan Matlamat Kerajaan Negeri tersebut, MBPJ turut mengambil inisiatif untuk menyediakan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 yang bermatlamat untuk melahirkan **“Warga emas Petaling Jaya yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif, selamat dan bahagia dalam persekitaran yang kondusif untuk kehidupan yang lebih sejahtera”** dengan memberi tumpuan khusus kepada **5 bidang fokus iaitu KESIHATAN, EKONOMI, SOSIAL & KESELAMATAN, PENDIDIKAN dan PERSEKITARAN.**

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan terhadap Pelan Tindakan tersebut, satu pasukan yang dikenali sebagai **Jawatankuasa Perundingan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030**. Pasukan tersebut akan ditubuhkan pada 17 Mei 2024 yang berperanan sebagai *“Focused Group”* yang terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran berkaitan warga emas yang akan membincangkan secara fokus mengenai isu-isu, permasalahan, kaedah penyelesaian dan ketersediaan data terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030. Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab dalam membuat penilaian, pemantauan dan pengukuran terhadap pelaksanaan setiap tindakan yang telah ditetapkan di dalam pelan tersebut.

**Keahlian dan Fungsi Jawatankuasa Perundingan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 adalah seperti berikut:**

Pengerusi : YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samington  
Datuk Bandar Petaling Jaya

Urusetia : Jabatan Perancangan Pembangunan

Ahli Jawatankuasa :

- **Ahli Majlis**

- i. Encik Terence Tan Teck Seng.
- ii. Encik Suriase A/L Gengiah.
- iii. Encik Ahmad Akhir Bin Pawan Chik.
- iv. Encik Mohamed Hamka Bin Mohamed Jumah.

- **Jabatan Dalaman MBPJ**

- i. Jabatan Perancangan Pembangunan.
- ii. Jabatan Kejuruteraan.
- iii. Jabatan Kawalan Bangunan.
- iv. Jabatan Landskap.
- v. Jabatan Penguatkuasaan.
- vi. Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan.
- vii. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran.
- viii. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.
- ix. Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan.
- x. Unit Teknologi Maklumat.
- xi. Unit Komunikasi Korporat / Aduan.
- xii. Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB).
- xiii. Unit Smart City.
- xiv. Unit OSHE.

- **Agensi Kerajaan Luaran**

- i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- ii. Jabatan Kebajikan Negeri Selangor.
- iii. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
- iv. Pejabat Kebajikan Daerah Petaling.
- v. Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.
- vi. Sektor Sektoral UPEN Selangor.
- vii. IPD Petaling Jaya (PDRM).
- viii. AADK Daerah Petaling.
- ix. Pejabat Perpaduan Daerah Petaling (JPNIN).
- x. PLANMalaysia.
- xi. UiTM (Institusi Pendidikan/Universiti)

- **Agensi Bukan Kerajaan (NGO)**

- i. Malaysian Institute of Planners (MIP).
- ii. National Council Of Senior Citizens Organisation Malaysia (NASCOM).
- iii. Persatuan Pengendali Jagaan Berkediaman Warga Emas SeMalaysia (AGECOPE).
- iv. Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).
- v. REHDA Selangor.

- **Fungsi dan Peranan Jawatankuasa :**

- i. Bertindak sebagai “*Focused Group*” yang terdiri dari pelbagai bidang kepakaran yang akan membincangkan secara fokus mengenai isu-isu, permasalahan dan kaedah penyelesaian terhadap pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030.

- ii. Menjadi platform untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan ketersediaan data dan maklumat berkaitan warga emas samada di peringkat Petaling Jaya, Negeri Selangor dan Malaysia.
- iii. Meneliti, mempertimbang dan memperakuan pelaporan pelaksanaan setiap tindakan di dalam Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030.
- iv. Memberi pandangan, cadangan dan maklum balas terhadap lain-lain Garis Panduan terperinci berkaitan warga emas yang disediakan di peringkat Petaling Jaya.
- v. Membincangkan proses dan kaedah pelaksanaan libat urus (*engagement*) bersama warga emas bagi projek-projek pembangunan, infrastruktur dan kemudahan di Petaling Jaya.
- vi. Membuat penilaian, pemantauan dan pengukuran terhadap pelaksanaan setiap tindakan di dalam Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 pada setiap tahun.
- vii. Menjadi penasihat kepada MBPJ dalam '*best value of money*' berkenaan pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



# مجلس بنداراي ڤتالیڠ جايا MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

Manakala, bagi projek signifikan yang masih dalam pemantauan berjadual adalah seperti berikut:-

1. PJ City Food Valley
2. Voluntary Local Review dan SDGs City Road Map
3. Podcast PJKita
4. Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya
5. Projek Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya


Daripada 56 projek signifikan yang telah dilaksanakan sepanjang 100 hari perkhidmatan Datuk Bandar, pengukuran pencapaian dibuat mengikut thematik projek PJSSR seperti di Rajah 1.



**Rajah 1: Pengukuran pencapaian mengikut thematik projek PJSSR 2030**


Selain itu, pengukuran pencapaian juga dibuat berdasarkan kepada teras Rancangan Selangor

1. Bagi Teras 1 Pengukuhan Ekonomi telah mencapai 38.1% meliputi 8 projek, Teras 2 Peningkatan Kesejahteraan & Keterangkuman Sosial 96%, melibatkan 21 projek, Teras 3 Pemacuan Kelestarian sebanyak 84.9% melibatkan 8 projek dan Teras 4 Tadbir Urus S.M.A.R.T & Berkesan mencapai 84.3% melibatkan sebanyak 20 projek seperti di Rajah 2.



**Rajah 2: Pengukuran pencapaian berdasarkan teras Rancangan Selangor 1**

Manakala bagi pengukuran pencapaian berdasarkan Prinsip Malaysia MADANI, peratusan tertinggi merupakan prinsip Ihsan iaitu 96.1% melibatkan 10 projek seperti program-program sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan dan lain-lain lagi. Pencapaian bagi setiap prinsip MADANI seperti di Rajah 3.



**Rajah 3: Pengukuran pencapaian berdasarkan Prinsip Malaysia MADANI**

Di samping itu, pengukuran pencapaian turut dibuat berdasarkan kepada SDGs. Pelaksanaan 56 projek signifikan ini didapati menyokong kepada 13 daripada 17 matlamat SDGs. Perincian peratusan adalah seperti di Rajah 4.



**Rajah 4: Pengukuran pencapaian berdasarkan kepada SDGs**

Di Majlis ini juga turut diadakan pelancaran Aplikasi PJ C-Net. PJ C-Net merupakan transformasi perkhidmatan secara atas talian yang berpusat dalam satu aplikasi. Aplikasi ini menyediakan 31 perkhidmatan dalam satu platform bagi memudahkan orang awam untuk mengakses semua perkhidmatan online yang disediakan oleh MBPJ.

Majlis akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk

Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang akan terus diberdayakan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجالس بنداراي فتالیڠ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (25)

Tarikh: 26 Mei 2024

## MBPJ SUKAN MESRA INDUSTRI

Bersempena Sambutan Hari Pekerja tahun ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengajurkan Kejohanan Sukan Mesra Industri bertempat di Kompleks Sukan Arena MBPJ. Penganjuran kali ke-17 tahun ini merupakan acara tahunan Majlis untuk meraikan hari pekerja.

Kejohanan yang berlangsung satu hari ini bertujuan meraikan pemain industri di Petaling Jaya dan warga kerja MBPJ dengan pengisian-pengisian berfaedah melalui aktiviti sihat dan kecergasan.

Penganjuran kejohanan ini adalah khusus bagi warga kerja dari pelbagai sektor sama ada swasta mahupun kerajaan dalam semua bidang sama ada perindustrian, perhotelan, komersial dan lain-lain syarikat atau agensi di bawah pentadbiran MBPJ.

Antara lain objektif penganjuran adalah sebagai usaha pihak Majlis untuk menjaga hubungan baik dua hala antara MBPJ dengan pemegang taruh di Petaling Jaya.

Tahun ini sebanyak 2 kategori penyertaan dipertandingkan iaitu bagi pemain industri dan kakitangan MBPJ.

Bagi pemain-pemain industri antara jenis sukan yang dipertandingkan ialah futsal, bola jaring, ping pong solo dan beregu campuran, sepak takraw serta badminton beregu campuran. Manakala bagi kakitangan MBPJ pula catur, karom, congkak, 3 on 3 street soccer dan batu Seremban.



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Hadiah keseluruhan yang ditawarkan kepada pemenang sebanyak RM19,700 beserta medal. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695